

08/06/1998

Transmile yakin dapat lagi kontrak haji

Azli Ayob

TRANSMILE Group Bhd (Transmile) yang mendapat kontrak tiga tahun daripada Lembaga Tabung Haji bagi membawa jemaah haji ke Tanah Suci mulai musim haji tahun ini, menjangkakan perolehan kontrak serupa pada masa depan.

Perolehan kontrak itu dijangka menggalakkan lagi pembabitan Transmile dalam industri penerbangan di negara ini, terutama apabila ekonomi pulih sepenuhnya kelak.

Pengerusinya, Mirzan Mahathir, dalam Laporan Tahunan Transmile bagi 1997, sebagai mengulas tinjauan hadapan dan prospek syarikat berkata persekitaran operasi bagi tahun mendatang masih dalam keadaan tidak menentu.

Bagaimanapun menurutnya, Transmile akan mengukuhkan kedudukannya dalam pengangkutan udara apabila ekonomi pulih berdasarkan keyakinannya ekonomi Asia akan lebih kukuh selepas kegawatan.

Mirzan berkata, kebanyakan kegiatan Transmile dikendalikan di bawah perolehan kontrak jangka panjang bagi memastikan pulangan berulang sumber perolehan.

Menurutnya, dalam jangka panjang Transmile akan terbabit dalam kegiatan berkaitan kejuruteraan pesawat, teknikal dan perkhidmatan penyelenggaraan.

"Dengan tambahan kepada pesawat berbadan lebar dan terbabit dalam pesawat sewaan untuk penerbangan haji akan membuka lebih banyak peluang kepada pengembangan syarikat khususnya bagi operasi pesawat berbadan lebar," katanya.

(END)